

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/92

Mac/April, 1992

AOP302 - UNDANG-UNDANG PERHUBUNGAN
PERUSAHAAN DAN PEKERJA

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. "Perhubungan perusahaan di Malaysia lebih bersifat 'tripartite' atau hubungan tiga segi di antara majikan, pekerja dan kerajaan."

Bincangkan kenyataan di atas dengan menganalisis peranan ketiga-tiga badan berkenaan dalam mengujudkan keharmonian perusahaan.

[100 markah]

2. Sejauh manakah perkembangan undang-undang perhubungan perusahaan di negara ini dipengaruhi oleh faktor sosial, politik dan ekonomi?

[100 markah]

...2/-

AOP302

3. Menurut Professor John Niland, Perundingan Bersama (collective bargaining) merupakan cara terbaik untuk menyelesaikan sesuatu pertikaian perusahaan berbanding dengan cara arbitrase wajib. Pada pendapat anda, apakah kaedah terbaik yang boleh digunakan dalam Perundingan Bersama? Mengapa?

[100 markah]

4. "Tujuan menubuhkan sesebuah kesatuan sekerja ialah untuk mencapai keadaan taraf hidup yang lebih tinggi yang dimanifestasikan kebanyakannya melalui tuntutan gaji yang lebih tinggi." S. Derry dan David Plowman, Australian Industrial Relations, 1985 hal.235.

Bincangkan kenyataan di atas dengan merujuk kepada kriteria, fungsi, syarat penubuhan dan keistimewaan sesebuah Kesatuan Sekerja di Malaysia.

[100 markah]

5. Dalam kes Non-metallic Mineral Products Manufacturing Employees Union dan lain-lain lawan South East Asia Fire Bricks Sdn. Bhd. (1976) 2 M.L.J. 67 telah dinyatakan bahawa "hak pekerja untuk mogok merupakan elemen yang penting dalam prinsip Perundingan Bersama ... tidak akan ada keseimbangan dalam Perhubungan Perusahaan hari ini tanpa kebebasan untuk mogok ...". Bincangkan kenyataan ini dengan merujuk kepada mogok, ancaman, pemberhentian dan piket.

[100 markah]

6. Tee Ga Soo Koo telah dituduh melakukan perbuatan mencuri, menipu dan pecah amanah terhadap barang-barang perindustrian milik syarikat di bawah jagaannya. Syarikat bercadang untuk mengambil tindakan disiplin terhadap pekerja ini. Sebagai seorang peguam, nasihatkan syarikat tentang tata acara bagaimana "Siasatan Domestik" boleh dijalankan ke atas Tee Ga Soo Koo.

[100 markah]

...3/-

AOP302

7. "Perlindungan Hak Majikan - Pekerja, Mahkamah Perusahaan dan pelbagai masalah lain berhubung dengan perhubungan perusahaan telah dibincangkan secara terperinci dalam Akta Perhubungan Perusahaan, 1967." Bincangkan.

[100 markah]

8. "Selain daripada Akta Perhubungan Perusahaan 1967 terdapat pelbagai akta lain yang cuba untuk mengharmonikan perhubungan perusahaan di negara ini." Bahaskan.

[100 markah]

---ooo000ooo---